اونيۏرسيتي مليسيا ڤهڠ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**JABATAN BENDAHARI**
*BURSARY DEPARTMENT*
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel : +609 431 5025
e-mel : bursary@ump.edu.my

Rujukan kami: UMPSA.03.08/100-1/3/2 (7)
Tarikh: 18 Ogos 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.8 TAHUN 2023**
**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PRODUK KERTAS MESRA ALAM (KERTAS PUTIH A3 DAN KERTAS BERWARNA A4) BAGI TEMPOH 2 TAHUN KE PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.8 Tahun 2023 berkenaan kontrak Membekal Dan Menghantar Produk Kertas Mesra Alam (Kertas Putih A3 Dan Kertas Berwarna A4) Bagi Tempoh 2 Tahun Ke Pusat-Pusat Tanggungjawab Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)**
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

s.k -
- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang

**PEKELILING BENDAHARI BIL.8 TAHUN 2023**

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PRODUK KERTAS MESRA ALAM (KERTAS PUTIH A3 DAN KERTAS BERWARNA A4) BAGI TEMPOH 2 TAHUN KE PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

## 1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bahawa pembelian bagi kertas A3 putih dan kertas A4 berwarna perlu dibeli secara terus daripada syarikat yang telah dilantik oleh pihak Universiti.

## 2.0 LATAR BELAKANG DAN MAKLUMAT

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti Bil. 4 Tahun 2023 telah meluluskan pelantikan Auto Trance Services Sdn. Bhd. bagi tempoh dua (2) tahun melalui kontrak UMP/BEND/SH/2023(6) : Membekal Dan Menghantar Produk Kertas Mesra Alam (Kertas Putih A3 Dan Kertas Berwarna A4) Bagi Tempoh 2 Tahun Ke Pusat-Pusat Tanggungjawab Di Universiti Malaysia Pahang;

2.2 Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, semua PTJ tidak lagi dibenarkan menguruskan pembelian sendiri dan hendaklah membuat pesanan secara terus kepada syarikat yang dilantik seperti maklumat di ***Lampiran 1***;

## 3.0 PROSEDUR / TATACARA PELAKSANAAN

3.1 PTJ boleh membuat tempahan terus dengan mengemukakan borang permohonan perolehan / *purchase requisition* melalui platform E-Community (Financial Management Dashboard) serta memastikan kesemua perkara-perkara berikut dipatuhi:

(a) PTJ hendaklah memastikan peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi sebelum sesuatu perolehan dilaksanakan;

(b) Menyerahkan kesemua dokumen permohonan lengkap kepada PTJ Kewangan untuk tujuan penyediaan pesanan tempatan;

(c) Universiti berhak untuk tidak membuat pembayaran bagi mana-mana pembelian kertas yang tidak dibuat melalui syarikat yang dilantik.

## 4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai dari kontrak ini bermula. (Rujuk ***Lampiran 1***).

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

**DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Jumaat, 18 Ogos 2023

Salinan kepada :
1) Naib Canselor
2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
4) Ketua Pustakawan
5) Penasihat Undang-Undang

***Lampiran 1***

| | | |
|---|---|---|
| No Kontrak | : | UMP/BEND/SH/2023(6) |
| Tajuk Kontrak | : | Membekal Dan Menghantar Produk Kertas Mesra Alam (Kertas A3 Putih, Dan Kertas Berwarna A4) Bagi Tempoh 2 Tahun Ke Pusat-Pusat Tanggungjawab Di Universiti MalaysiaPahang |
| Nama Syarikat | : | Auto Trance Service Sdn. Bhd. (723634-D)<br><br>No.18, Jalan PJS 11/5, Bandar<br>Sunway 46150 Petaling Jaya,<br>Selangor |
| Nama Untuk Dihubungi | : | Purchasing Department |
| No Telefon/ Faksimili | : | 03-80662541/ 019-2988865/ 03-80689241 |
| Tempoh Kontrak | : | 2 Tahun |
| Tarikh Mula | : | 8 Ogos 2023 |
| Tarikh Tamat | : | 7 Ogos 2025 |
| Lokasi Penghantaran | : | Maklumat dalam penyediaan pesanan tempatan adalah seperti berikut:<br>i. Perlu menyatakan lokasi PTJ dengan jelas dalam penyediaan permohonan pesanan tempatan.<br>a. **Contoh 1:**<br>**Membekal Dan Menghantar Kertas A3 Putih ke Pusat Kesihatan Universiti, UMPSA Paya Besar**<br><br>b. **Contoh 2:**<br>**Membekal Dan Menghantar Kertas A4 Berwarna ke Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta, UMPSA Pekan**<br><br>ii. Perlu menyatakan bilangan / kuantiti tempahan yang ingin dipohon.<br><br>**Pengawai yang bertangunggjawab dalam penyediaan pesanan tempatan perlu ambil perhatian dalam perkara ini.** |

**<u>JENIS-JENIS KERTAS:</u>**

| Bil | Jenis Kertas | Jenama/ Model/ Pembuat | Kuantiti | Harga Seunit (RM / Rim) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kertas A3 Putih | Paper One | 1 Rim | 30.50 |
| 2 | Kertas A4 Berwarna<br><br>i. Hijau Muda<br>ii. Kuning<br>iii. Biru Muda<br>iv. Merah Jambu | Lucky Star | 1 Rim | 17.50 |

i. Harga adalah sah digunapakai untuk 2 tahun

ii. Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, dan kos penghantaran